

Utamakan Kebajikan Jiran Terdekat Sebelum Melangkah Jauh



Oleh: Muhammad Aiman Amin Ramlan

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 30 Julai 2021

Statistik yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia menyatakan bahawa 71.4 peratus atau lebih dua pertiga daripada mereka yang bekerja sendiri hanya mempunyai simpanan kurang daripada sebulan sahaja.

Selain itu, kira-kira 69.7 peratus daripada mereka adalah golongan yang baru bekerja kurang daripada setahun dan 63.2 peratus bekerja antara tempoh satu hingga tiga tahun.

Peranan membantu golongan yang hilang punca pendapatan semasa pandemik COVID-19 tersebut sepatutnya dimulakan dalam kerangka kawasan kejiranan terlebih dahulu.

Sesetengah anggota masyarakat lebih mementingkan kebajikan mereka yang di luar kawasan atau tempat yang lebih jauh tetapi tidak mengendahkan kebajikan jiran di sebelah rumah.



Gambar hiasan

Islam menggalakkan kita menghormati jiran dengan mendahulukan kebajikan dan saling membantu ketika memerlukan.

Nabi Muhammad SAW telah bersabda yang mafhumnya, “Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berbuat baik kepada jirannya.” (Hadis Riwayat Muslim)

Sebahagian kata-kata Qadhi Bin Iyadh dan dinukilkan semula oleh Imam Nawawi dalam kitabnya telah menyatakan bahawa seseorang yang berpegang teguh dengan ajaran Islam, maka berkewajipan keatasnya memuliakan dan menghormati jiran.

Ini menunjukkan bahawa para ilmuwan Islam turut menyanjung tinggi dan menghormati jiran kerana kedudukan jiran adalah sangat tinggi dalam agama.

Allah SWT berfirman dalam surah al-Nisa’ ayat 36 yang mafhumnya, “Dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh.”

Terdapat beberapa hak terhadap jiran yang perlu dilaksanakan sepertimana yang dinukilkan oleh Imam Al-Ghazali dalam kitabnya iaitu Ihya Ulumuddin.

Antaranya adalah, menziarahi jiran ketika sakit, menutup keaiban jiran dan sentiasa membantu mereka ketika ditimpa musibah.



Gambar hiasan

Berhubung isu bendera putih yang tular dalam media sosial baru-baru ini, kita seharusnya segera bermuhasabah diri dan melihat dunia yang nyata.

Isu kemiskinan kini tidak lagi tersembunyi dan kita seharusnya mempersiapkan diri dengan segera bagi menghulurkan bantuan. Hulurkan wang seberapa banyak yang kita mampu kerana ia mampu meringankan beban hidup jiran biarpun sedikit.

Pengalaman yang saya alami ketika pandemik ini adalah ketika saya masih berada di kawasan kampus di Nilai apabila kerajaan pertama kali mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020.

Ketika itu, ramai yang menghulurkan bantuan bermula dari perwakilan universiti, jawatankuasa kampus luar sehinggalah kawasan perumahan serta jiran-jiran yang terdekat.

Saya membuat kesimpulan bahawa masyarakat ketika itu menyantuni dan menjaga kebajikan setempat terutamanya pelajar-pelajar yang terkandas di kampus serta kawasan sekitarnya.

Ini menunjukkan bahawa sikap saling membantu dan saling menghormati sudah lama diamalkan dan seharusnya dikekalkan kerana ini adalah lambang kesatuan yang telah diterapkan oleh junjungan besar mulia Nabi Muhammad SAW.

Jika isu ini dapat difahami sepenuhnya, sikap bantu-membantu sesama jiran haruslah diterapkan segera sebagai tanda kita bersolidariti dengan masyarakat yang terkesan dengan situasi pandemik serta bagi memenuhi tuntutan syariat Islam.